

**ARAHAN PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN TERENGGANU.
BILANGAN 2/1971.**

Semua Pemungut-pemungut Hasil Tanah dalam Negeri Terengganu.

Kehendak-kehendak Kanun Tanah Negara 56/1965,
Peraturan Tanah dan Arahan-arahan yang dikeluarkan.

Dalam pentadbiran tanah pegawai-pegawai tanah adalah dikehendaki mengetahui dengan dalam akan kehendak-kehendak Kanun Tanah Negara Bil. 56/1965, Peraturan Tanah dan Arahan-arahan Pejabat selain daripada Undang-undang yang lain yang berkait dengan hal ehwal tanah.

2. Dalam pengalaman saya ada antara pegawai-pegawai tanah yang masih ragu-ragu atas kehendak-kehendak Kanun Tanah Negara dan sebagainya itu. Maka ini adalah menjadi kemunduran bagi pentadbiran tanah. Yang demikian oleh kerana tiap-tiap pegawai tanah itu ada tugas-tugasnya yang tertentu samada tercatat di dalam Kanun Tanah Negara atau sebagainya, maka amatlah mustahak baginya untuk memahami benar-benar kehendak-kehendak dan kuasa masing-masing.

3. Yang amat mendukacitakan dalam perhatian saya ada antara pegawai-pegawai penempatan yang dikatakan kanun juga tidak berapa jelas pengetahuannya berkenaan dengan kerjanya berkaitan dengan pentadbiran tanah. Oleh itu Pemungut-pemungut Hasil Tanah sebagai pegawai yang bertanggungjawab di daerah-daerah hendaklah mengawasi dan mengambil berat supaya pegawai-pegawai tanah di bawah jagaannya faham dan mahir akan Undang-undang dan arahan-arahan yang berjalan dari satu masa kesatu masa. Satu daripada langkah yang baik ialah dengan mengadakan ceramah mingguan atau bulanan yang memakan masa satu jam dalam sesuatu perjumpaan di antara pegawai-pegawai tanah bagi membincangkan segala masalah atau keraguan-keraguan yang berbangkit daripada Undang-undang tanah atau Arahan-arahan Pengarah Tanah dan Galian. Dalam Perjumpaan ini tentulah dengan secara tidak langsung dapatlah Pemungut-pemungut Hasil Tanah sendiri menilai pengetahuan orang-orang bawahnya dan menitikberatkan serta memperbaiki kelemahan-kelemahan mereka.

t.t.
(DATO' MOHAMAD BIN IBRAHIM)
Pengarah Tanah dan Galian,
Terengganu.

Bil. (2) dlm. PTG.TR. 13/66/1(SEM).

s.k.
Yang Berhormat, Setiausaha Kerajaan, Terengganu.

Settlement Collector, Terengganu.

Kuala Terengganu, 13hb. Mei, 1971.